

19 SEP 1997

Mahathir-bantuan

BANTUAN ASING DIMINTA TANGANI JEREBU

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bantuan akan dipohon dari beberapa negara untuk mengatasi masalah jerebu yang sedang melanda Malaysia, Indonesia dan negara-negara jiran sejak beberapa bulan lepas.

Keadaan jerebu di Sarawak menjadi begitu buruk pagi ini hingga memaksa negeri itu diletakkan di bawah keadaan Darurat Jerebu.

Perdana Menteri yang telah mengutus surat kepada Presiden Suharto minggu ini, berkata Indonesia bersetuju agar Malaysia menyertai usaha memadamkan kebakaran hutan yang menjadi punca jerebu itu.

Ketika usaha sedang dibuat oleh kedua-dua negara untuk menangani masalah itu, beberapa negara lain akan diminta membantu, katanya.

"Kita akan meminta beberapa negara untuk membantu (tetapi) saya tidak dapat menamakan negara-negara itu lagi," katanya kepada pemberita selepas memberikan satu ceramah anjuran Persatuan Alumni Universiti Malaya di sini.

Kebakaran ratusan hektar hutan di Sumatera dan Kalimantan sejak beberapa bulan lepas telah menyebabkan asapnya ditiup hingga menyelubungi ruang udara Malaysia, Singapura dan Brunei.

Dr Mahathir berkata Perancis mungkin telah menghantar kakitangan dan peralatan untuk membantu mengatasi masalah jerebu itu.

Beliau berkata Perancis mungkin menyediakan peralatan untuk tujuan pembenihan awan seperti bom air dan pesawat selain pam dan bahan buih untuk memadamkan api.

Perdana Menteri berkata Tentera Udara Diraja Malaysia yang telah diminta menyertai usaha pembenihan awan di Malaysia, akan juga membantu operasi di Indonesia jika negara itu meminta.

Dr Mahathir berkata 18 syarikat perladangan dan pembalakan yang mempunyai kepentingan ekuiti Malaysia dan dipercayai menyebabkan kebakaran itu, seharusnya bertanggungjawab dengan membantu kerajaan Indonesia memadamkan kebakaran itu.

Mengenai keadaan di Sarawak, Dr Mahathir berkata lebih banyak operasi pembenihan awan perlu dijalankan untuk membersihkan udara.

"Saya telah meminta (pendapat) sama ada mereka boleh menjalankan lebih banyak pembenihan awan, dan jika mereka tidak dapat melakukan pembenihan awan, cuma siramkan air. Cuma terbang di kawasan yang banyak penduduk dan siramkan air pada ketinggian tertentu," katanya.

Perdana Menteri berkata tindakan serupa akan dibuat di Semenanjung.

"Kita akan teruskan usaha pembenihan awan, tidak kira sama ada awan ditemui atau tidak. Kita hanya mahu lebih banyak hujan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata denda yang dikenakan sekarang terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka tidak memadai untuk membendung perbuatan itu.

Dr Mahathir menasihatkan orang ramai supaya memakai topeng pelindung udara.

"Itulah sebabnya saya memakai topeng ini semalam sebagai teladan. Jika saya tidak berbuat demikian, orang akan berkata mereka malu melakukannya, jadi sayapun pakailah semalam," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan melaksanakan tindakan memindah di kawasan-kawasan yang teruk dilanda jerebu seperti Sarawak, Perdana Menteri berkata : "Ke mana? Kita tidak dapat pergi ke Indonesia, kita tidak dapat ke Sabah yang juga teruk."

Dalam keadaan sekarang, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak

keluar rumah dan memakai topeng jika hendak keluar. -- BERNAMA
RAZ MAI